

29.9.2023  
Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## AIR BAH DARI BALING MENJEJASKAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR DI PULAU PINANG

- **Kira-kira 465,004 pengguna terjejas di Pulau Pinang dan Seberang Perai.**

PULAU PINANG, Jumaat, 29.9.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) berusaha menangani isu air mentah berkaitan Sungai Muda sejak tengah malam tadi.

Air bah yang berlumpur (sangat keruh) akibat banjir yang berlaku di Baling baru-baru ini telah memaksa PBAPP mengurangkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

LRA Sungai Dua adalah LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang. Air terawatnya dibekalkan kepada kira-kira 465,004 pengguna air di Seberang Perai dan Pulau Pinang.

Apabila kami mengesan air yang sangat keruh di muka sauk Lahar Tiang, PBAPP terpaksa mengurangkan pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda. Langkah ini telah menyebabkan pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua menurun sebanyak 30%, daripada purata 1019 JLH kepada 715 JLH pada jam 9.00 pagi.

Oleh itu, bekalan air terawat kepada 70% pengguna telah terjejas, terutamanya di kawasan berikut:

- George Town;
- Selatan Bukit Dumbar ke Balik Pulau (Pulau Betong, Bukit Penara, Pondok Upah dan Bandar Balik Pulau);
- Seberang Perai Tengah (kawasan selatan Rumah Pam Bukit Minyak); dan
- Seberang Perai Selatan.

Pelan tindakan kecemasan (ERP) PBAPP telah diaktifkan sejak 4.00 petang semalam dan Pasukan ERP sedang berusaha keras untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air, secara berperingkat, mulai 8.00 malam hari ini apabila pengeluaran di LRA Sungai Dua dijangka pulih sepenuhnya.



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Harap maklum bahawa ini adalah gangguan bekalan air tidak berjadual yang disebabkan oleh faktor luaran, yang berasal dari Kedah (banjir di Baling baru-baru ini). PBAPP mengurangkan pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua awal hari ini dengan mengambil kira keselamatan awam. PBAPP tidak boleh, dan tidak akan, membekalkan "air terawat yang tidak selamat" di Pulau Pinang.

Namun begitu, PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku. Kami melakukan yang terbaik untuk memulihkan bekalan air. Kami akan terus menyalurkan maklumat terkini mengenai situasi ini melalui halaman FB kami dan siaran media massa.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)